

PM kena lebih tegas

Pemimpin pelbagai peringkat desak Dr M henti kritikan

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim,
Mohd Roji Abdullah, Saufi
Hamzah, Shahrin Osman
dan Wan Faizal Ismayatim

KUALA LUMPUR: Kalangan pemimpin negara dan peringkat akar umbi mendesak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir menghentikan kritikan terbuka melampaui batas terhadap kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mereka juga mahu Abdullah mengambil tindakan lebih tegas untuk menangani masalah itu.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, menyarankan Dr Mahathir melepaskan jawatan penasihat dalam beberapa agensi kerajaan jika berhasrat untuk terus mengkritik Abdullah.

"Jika Tun hendak lanyak kerajaan juga, eloklah lepaskan semua jawatan itu dan jadilah individu bebas yang tidak ada kena mengena dengan kerajaan, barulah betul. Jika tidak, apa gunanya jadi penasihat.

"Pada masa sama Tun membuat kritikan terhadap kerajaan, beliau masih menjadi penasihat kepada banyak agensi kerajaan seperti Petronas, Proton dan Lada (Lembaga Pembangunan Langkawi)," katanya.

Sambil menyatakan beliau tidak lagi yakin dengan bekas Perdana Menteri itu, Mahdzir menganggap kritikan berterusan Dr Mahathir terhadap pentadbiran Abdullah sebagai perbuatan seorang ahli Umno yang melampaui batas.

"Ketika Tun memerintah tiada orang berani mengkritik beliau. Dia guna kuasa dia, guna ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) tangkap orang dan sekarang dia kata negara ini menjadi negara polis," katanya di Kuala Nerang, semalam.

Mahdzir berkata, tindakan Dr Mahathir terus mengkritik kerajaan akan menyebabkan orang ramai khususnya ahli Umno hilang rasa hormat kepadanya sebagai negarawan.

"Saya rasa orang Kedah sendiri-pun malu dengan tindakan Tun dan hilang rasa hormat kepada dia," katanya.

Ketua Penerangan Umno Johor, Se-

nator Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata tindakan disiplin perlu diambil terhadap Dr Mahathir dan penyokongnya yang mengambil kesempatan menghantakan lagi iklim politik negara ketika ini.

Katanya, beliau akan mencadangkan pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno Johor supaya tindakan tegas diambil terhadap Dr Mahathir dan penyokong beliau yang suka memanasakan keadaan.

"Ini soal disiplin yang boleh menjejaskan perpaduan dalam parti, sebab itu tindakan disiplin perlu diambil untuk mengawalinya daripada menyebabkan keadaan menjadi lebih teruk," katanya di Batu Pahat, semalam.

Mohd Puad yang juga Ketua Umno Bahagian Batu Pahat, yakin ada perkara lain tidak memuaskan hati Dr Mahathir. Kritikan terhadap pembatalan jambatan, negara polis, kroni dan permit import (AP), hanyalah alasan sampingan.

Ketua Umno Bahagian Tambun, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah, berkata dakwaan Dr Mahathir bahawa pucuk pimpinan Umno menghalang beliau dijemput menghadiri program anjuran parti tidak berasas.

Sebaliknya, beliau yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) berkata, Dr Mahathir tidak dijemput kerana pemimpin terutama peringkat bahagian sedar dan tidak rela membiar-

*"Tindakan disiplin
perlu diambil
terhadap Dr M
dan penyokongnya
yang mengambil
kesempatan
menghantakan
lagi iklim politik
negara ketika ini"*

Senator Dr Mohd
Puad Zarkashi
Ketua Penerangan Umno Johor

kan bekas Perdana Menteri itu memporak-perandakan perpaduan ahli.

Ketua Umno Bahagian Sri Gading, Datuk Mohamed Aziz, berkata Umno bahagian bebas menjemput sesiapa saja menghadiri majlis mereka tetapi menjadi tanggungjawab untuk mengundang mereka yang dapat memberi manfaat kepada parti.

Ketua Umno Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Abd Samad, berkata Umno bahagian tidak perlu menjemput Dr Mahathir kerana tindakannya lebih kepada luahan rasa tidak puas hati peribadinya.

"Bukan kita diarah jangan jemput beliau tetapi ini atas kesedaran sendiri. Saya melihat apa dilakukan Tun itu sampai ke tahap mengganggu dan menyimpang daripada perjuangan bangsa, jadi Umno Bahagian Johor Bahru tidak berminat menjemputnya," katanya.

Shahrir berkata, perkara dibangkitkan Dr Mahathir seperti isu Proton, AP dan jambatan bengkok juga tidak menyentuh asas perjuangan parti dan oleh itu tidak relevan menjemput beliau turun ke bahagian.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali meminta Dr Mahathir tidak menggunakan media untuk menyatakan pandangan atau kritikan kepada Abdullah bagi mengelakkan salah tanggapan rakyat terhadap kerajaan sekarang.

Sebaliknya, beliau mencadangkan bekas Perdana Menteri itu menggunakan kaedah sama ketika beliau berkrisis dengan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra sebelum ini iaitu mengambil sikap beralah dan menggunakan pertemuan dua hala bagi menyampaikan sesuatu pandangan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kritikan Dr Mahathir adalah tidak berasas dan fitnah untuk mencemarkan kredibiliti Perdana Menteri.

"Ini satu fitnah dan tohmahan terhadap Abdullah, ...dalam konteks Kelantan, kaji selidik dan perbincangan mengenai RMK-9 (Rancangan Malaysia Kesembilan) mengambil masa setahun membabitkan semua pihak hinggalah akhirnya negeri ini mendapat peruntukan besar RM7.6 bi-

lion," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan, Dali Hussin, berkata Dr Mahathir sepatutnya menunggu penjelasan Perdana Menteri dan berhenti membuat dakwaan wujud suasana ketakutan di negara ini.

Pengerusi Barisan Nasional Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, jelas pemimpin dan rakyat bebas mengeluarkan pandangan dan meluahkan perasaan mereka.

Begitupun, katanya, kebebasan bersuara hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab khususnya bagi pemimpin masyarakat dan ahli politik sebab apa yang dikatakan itu sememangnya mempunyai pengaruh terhadap rakyat.

Beliau tidak bersetuju dengan dakwaan Dr Mahathir bahawa sesiapa menyoal atau mengkritik Perdana Menteri dikenakan tindakan.

"Kalau begitu ramai pemimpin pembangkang akan mengadu sebab mereka yang sentiasa mengkritik bukan saja menerusi akhbar, malah internet. Tanyalah mereka sama ada mereka disekat, digugat atau diancam atau tidak," katanya.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Azhar Ibrahim, berkata Dr Mahathir seolah-olah suka mencetuskan kontroversi yang tidak sepatutnya.

"Setahu saya, dulu masa Dr Mahathir memerintah, banyak orang ditangkap di bawah ISA tapi ketika Pak Lah ramai tahanan ISA yang dilepaskan, macam mana nak kata Malaysia negara polis dan sedang diselubungi ketakutan," katanya.

Ketua Pemuda Umno Terengganu, Mohd Sabri Alwi meminta Dr Mahathir keluar daripada Umno jika terus menerus tidak bersetuju dan lantang mengkritik kepemimpinan AbduUah.

"Sikap Dr Mahathir yang masih berterusan mengkritik walaupun baru mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri menggambarkan seolah-olah beliau masih ingin berkuasa walaupun sebenarnya beliau sudah menjadi seorang pesara," katanya pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di Jalan Kamaruddin, Kuala Terengganu.